

Nama (Name) : \_\_\_\_\_



# UJIAN APTITUD APEL MQA

## MQA APEL APTITUDE TEST



(MQF TAHAP 4 – DIPLOMA)

(MQF LEVEL 4 – DIPLOMA)

Masa: 2 jam

Time: 2 hours

### Arahan kepada calon:

1. Sila pastikan kertas soalan ini mengandungi **dua belas (12)** muka surat bercetak sebelum anda mula menjawab soalan-peperiksaan.
2. Kertas ini mengandungi 40 soalan aneka pilihan, i.e. Bahagian A: Bahasa Melayu (10 soalan); Bahagian B: Bahasa Inggeris (10 soalan); Bahagian C: Matematik (10 soalan); Bahagian D: Pengetahuan Am/Pemikiran Kritis (10 soalan). Pilih jawapan yang tepat dan tandakan jawapan pada kertas jawapan yang diberikan.
3. Jumlah markah untuk kertas soalan ini adalah sebanyak 40 markah. Markah untuk setiap bahagian adalah sebanyak 10 markah.
4. Baca arahan pada kertas soalan dan jawab semua soalan.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator untuk menjawab soalan-soalan matematik.
6. Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan ini dari bilik peperiksaan.

### Instructions to candidates:

1. Please check that this test paper consists of **twelve (12)** pages of printed material before you begin the test.
2. This paper consists of 40 questions, i.e. Section A: Malay Language (10 questions); Section B: English Language (10 questions); Section C: Mathematics (10 questions); Section D: General Knowledge/Critical Thinking (10 questions). For each question, choose the most appropriate answer. Indicate your answer on the separate answer sheet given.
3. The total marks for this test paper is 40 marks. Each section carries 10 marks.
4. Read the instructions on the question paper carefully. Attempt all questions.
5. You are allowed to use a calculator for answering the Mathematics questions.
6. You are not allowed to remove this test paper from the test venue.

**SECTION A: MALAY LANGUAGE [10 Marks]**  
**BAHAGIAN A: BAHASA MELAYU [10 Markah]**

This section has 10 questions. Please answer all the questions.  
*Bahagian ini mempunyai 10 soalan. Sila jawab semua soalan.*

Soalan 1 hingga 4 berdasarkan petikan di bawah.

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**Keusangan Budaya**

Ketika dulu  
kelihatan sang dara  
bersimpuh ayu  
bersalut songket tenunan Melayu  
menganyam segar

Kelihatan  
sang teruna menebang ara  
berbaju Melayu warisan bangsa  
meniup seruling bambu  
merdu dan sayu

Ketika ini tiada lagi sang dara ayu  
tiada juga teruna gagah  
kini yang ada cuma  
tubuh-tubuh lesu  
tubuh-tubuh kaku

Kedengaran  
irama gamat menodai kedamaian  
seruling bambu diam keusangan  
songket dan batik murah disisihkan

Ayahanda dan bonda di pondok  
memalu nobat di sisi  
melihat sayu sang Sita Dewi  
yang usang tidak bermaya lagi

1. Berdasarkan rangkap kelima, penyajak menggambarkan generasi tua berasa sedih kerana \_\_\_\_\_.
  - A. budaya kita semakin dilupakan oleh generasi muda.
  - B. kata-kata mereka tidak diendahkan oleh generasi muda.
  - C. wujud perbezaan pendapat antara mereka dengan generasi muda.
  - D. mereka gagal meninggalkan apa-apa budaya kepada generasi muda.

2. Penyajak mengatakan bahawa punca golongan muda hari ini tidak dapat mengekalkan budaya bangsa zaman dahulu kerana \_\_\_\_\_.  
A. tidak didedahkan dengan jati diri oleh ibu bapa.  
B. pengaruh daripada pelbagai budaya baharu dari luar.  
C. mereka tidak menggemari budaya tersebut dalam kehidupan.  
D. susah untuk mengamalkan budaya bangsa dalam kehidupan sekarang.
3. Baris **kelihatan sang dara bersimpuh ayu** dapat dikaitkan dengan nilai \_\_\_\_\_.  
A. kerajinan.  
B. kesopanan.  
C. menghargai.  
D. bertanggungjawab.
4. Tema sajak Keusangan Budaya ialah \_\_\_\_\_.  
A. sikap golongan yang menyanjung tinggi warisan bangsa.  
B. tanggapan masyarakat kini terhadap adat warisan bangsa.  
C. sikap golongan muda yang merendah-rendahkan budaya bangsa.  
D. peranan golongan muda dalam mempertahankan adat dan budaya Melayu.

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

5. Fikiran Anuar masih \_\_\_\_\_ sama ada hendak turut serta dalam perkhemahan itu atau tidak.  
A. susup-sasap  
B. bolak-balik  
C. gelap-gelita  
D. gembar-gembur
6. Rizal sangat gemar \_\_\_\_\_ laksa Johor yang dibuat oleh ibunya.  
A. kepada  
B. akan  
C. tentang  
D. terhadap
7. Sewaktu tergesa-gesa, menuju ke dapur kaki Munirah \_\_\_\_\_ pada bendul pintu biliknya.  
A. tersadung  
B. tersepak  
C. terpijak  
D. terselit

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

8. **"Kalau awak ada masa lapang petang ini, datanglah ke rumah saya di Taman Satria," kata Zarul kepada Hafiz.**

- A. Zarul mengajak Hafiz datang ke rumahnya di Taman Satria pada petang ini kalau Zarul ada masa lapang.
- B. Zarul berkata kepada Hafiz bahawa sekiranya awak ada masa lapang, datanglah ke rumahnya di Taman Satria.
- C. Hafiz dipelawa oleh Zarul supaya datang ke rumahnya di Taman Satria pada petang itu jika dia ada masa lapang.
- D. Hafiz memberitahu Zarul bahawa dia akan datang ke rumahnya di Taman Satria pada petang ini jika dia kelapangan.

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

9. Sikap Cik Suraya Murai yang \_\_\_\_\_ menyebabkan rakan sekerjanya berasa tidak selesa semasa bercakap dengannya.

- A. cakap lepas
- B. duri berbisa
- C. adu domba
- D. mulut tempayan

10. Mak Cik Bedah sedih apabila mendengar berita kematian menantunya. Keadaan ini dikatakan \_\_\_\_\_.

- A. seperti cacing kepanasan.
- B. bagi dihiris dengan sembilu.
- C. seperti duduk dalam duri.
- D. sudah jatuh ditimpa tangga.

**SECTION B: ENGLISH LANGUAGE [10 Marks]**  
**BAHAGIAN B: BAHASA INGGERIS [10 Markah]**

**This section has 10 questions. Please answer all the questions.**  
**Bahagian ini mempunyai 10 soalan. Sila jawab semua soalan.**

**Questions 1 – 3 are based on the passage given below.**

To jessica@gmail.com Bcc

Cc

Hi Mommy

Dear Mommy,

I was glad to receive your email this morning. I miss you very much mommy. Uncle Sam and Aunty Polly are really kind to me. Uncle took me around the town yesterday. Aunty bought all sorts of things for me. Even school work is very interesting. My school friends help me a lot in my studies. Melissa and Marrissa too are very nice to me. We always play together. You don't have to worry about me, mommy. I shall come home soon.

With my love to all at home.

regards,  
Your loving daughter

1. What is the purpose of this email?
  - A. To update her mother about her life in a new place.
  - B. To complain about her cousins and her new friends.
  - C. To ask her mother to transfer some money.
  - D. To inform that she is coming home next weekend.
2. Why did the sender find the schoolwork interesting?
  - A. The teachers are helpful and kind to her.
  - B. Her friends are very helpful and kind to her.
  - C. Her cousins are very brilliant in their studies.
  - D. The school's compound is huge.
3. From the email above, we can conclude that \_\_\_\_\_.
  - A. The author adapts well in the new environment.
  - B. The author is on holiday at her uncle's house.
  - C. The author is feeling stressed and helpless in her studies.
  - D. The author is unhappy with her cousins and the new school.
4. These books and magazines \_\_\_\_\_ to the school library.
  - A. belonged
  - B. belonging
  - C. belongs
  - D. belong

5. Sand \_\_\_\_\_ used in the making of cement.
- A. are  
B. is  
C. was  
D. were
6. The people were starving. They had not eaten \_\_\_\_\_ food for many days.
- A. many  
B. few  
C. any  
D. a lot of
7. This house \_\_\_\_\_ to be haunted.
- A. said  
B. is said  
C. is saying  
D. been said
8. Sarah was **happy** when her baby was born. The word **happy** can best be replaced with \_\_\_\_\_.
- A. great  
B. tired  
C. blessed  
D. overjoyed
9. I feel **guilty** about your house being broken into when I was supposed to be looking after it. The word **guilty** can best be replaced with \_\_\_\_\_.
- A. heartbroken  
B. sorry  
C. shy  
D. disturb
10. The football match was long and **dull**. The opposite of **dull** is \_\_\_\_\_.
- A. interesting  
B. monotonous  
C. wearisome  
D. tedious

**SECTION C: MATHEMATICS [10 Marks]**  
**BAHAGIAN C: MATEMATIK [10 Markah]**

This section has 10 questions. Please answer all the questions.  
*Bahagian ini mempunyai 10 soalan. Sila jawab semua soalan.*

1. It is given that  $m$ , 4, 9, 16, 25,  $n$  forms a number sequence. The value of  $n - m$  is \_\_\_\_\_.

\_\_\_\_\_.

*Diberi bahawa  $m$ , 4, 9, 16, 25,  $n$  membentuk satu urutan nombor. Nilai  $n - m$  ialah \_\_\_\_\_.*


- A. 35
- B. 36
- C. 63
- D. 65

2. The inequality that is equivalent to  $x - 6 \geq -2$  is \_\_\_\_\_.

*Ketaksamaan yang setara dengan  $x - 6 \geq -2$  ialah \_\_\_\_\_.*

- A.  $4 > x$
- B.  $x \geq -8$
- C.  $x \geq 8$
- D.  $x \geq 4$

- 3.



**Figure 1**  
**Rajah 1**

Figure 1 shows a measuring cylinder with diameter 12 cm. It contains water to a depth of 4 cm. Five equal-sized spherical marble with radius 3 cm are put into the cylinder. The height, in cm, of the water level in the cylinder now is \_\_\_\_\_.

*Rajah 1 menunjukkan satu silinder penyukat dengan diameter berukuran 12 cm. Ia mengandungi air sedalam 4 cm. Lima biji guli yang sama saiz dengan ukuran jejari 3 cm dimasukkan ke dalam silinder tersebut. Paras air, dalam cm, di dalam silinder itu sekarang adalah \_\_\_\_\_.*

- A. 5
- B. 6
- C. 7
- D. 9

4. Which of the following pairs of equations are simultaneous linear equations?

Antara yang berikut, pasangan persamaan manakah merupakan persamaan linear serentak?

- A.  $k + 6m = 12$   
 $5h - 3m = 15$
- B.  $3p + 11 = 2u$   
 $2u - pu = 8$
- C.  $7 = 4r - t$   
 $t = 12 + 5s$
- D.  $4x - 7 = 3z$   
 $2z = x + 5$

5.  $mn(7n + 4m) =$

- A.  $7m^2n + 4mn^2$
- B.  $7mn^2 + 4m^2n$
- C.  $11m^2n^2 + 7mn$
- D.  $7m^2n^2 + 4mn$

6.  $\frac{7}{r+s} + \frac{8}{r} =$


- A.  $\frac{15r + 8s}{r+s}$
- B.  $\frac{7r + 8s}{r+s}$
- C.  $\frac{15r + 8s}{r(r+s)}$
- D.  $\frac{15s + 8r}{r(r+s)}$

7. Given that  $32 \times 2^m = 8^{-1}$ , then  $m =$

Diberi bahawa  $32 \times 2^m = 8^{-1}$ , maka  $m =$

- A. -8
- B. -2
- C.  $\frac{1}{8}$
- D.  $\frac{1}{2}$

8.




**Figure 2**  
**Rajah 2**

The pie chart in Figure 2 shows the types of newspaper subscribed by 4050 residents of an area in one month. The total number of residents who subscribed Malay and Tamil newspapers is \_\_\_\_\_.

*Carta pai dalam Rajah 2 menunjukkan jenis surat khabar yang dilanggan oleh 4050 penduduk di sebuah kawasan dalam tempoh sebulan. Jumlah penduduk yang melanggan surat khabar Melayu dan Tamil adalah sebanyak \_\_\_\_\_.*

- A. 1080
- B. 1800
- C. 2025
- D. 2250

9.



**Figure 3**  
**Rajah 3**

In the Figure 3, the value of  $p + q + r + s + t$ , in degree, is \_\_\_\_\_.

*Dalam Rajah 3, nilai  $p + q + r + s + t$ , dalam darjah, adalah \_\_\_\_\_.*

- A. 180
- B. 360
- C. 540
- D. 720

10. The straight line joining the points  $(5, m)$  and  $(-9, 8)$  is parallel to the  $x$ -axis. The value of  $m$  is \_\_\_\_\_.

*Garis lurus yang menghubungkan titik-titik  $(5, m)$  dan  $(-9, 8)$  adalah selari dengan paksi-x. Nilai  $m$  adalah \_\_\_\_\_.*

- A. -9
- B. 5
- C. 8
- D. -8

**SECTION D: GENERAL KNOWLEDGE / CRITICAL THINKING [10 marks]**  
**BAHAGIAN D: PENGETAHUAN AM / PEMIKIRAN KRITIS [10 markah]**

This section has 10 questions. Please answer all the questions.

Bahagian ini mempunyai 10 soalan. Sila jawab semua soalan.

- Which is the most senior federal title in Malaysia and there can be no more than 25 living recipients at any one time?

*Antara yang berikut, gelaran manakah merupakan gelaran tertinggi di peringkat persekutuan di Malaysia dan dihadkan kepada hanya 25 orang penerima yang hidup pada satu-satu masa?*

- A. Tun
- B. Dato'
- C. Datin
- D. Tan Sri

- Which of the following schools is the oldest English school in Southeast Asia, founded by Rev. Sparke Hutchings in 1816?

*Antara yang berikut, sekolah manakah merupakan sekolah Inggeris tertua di Asia Tenggara yang diasaskan oleh Rev. Sparke Hutchings pada tahun 1816?*

- A. St. Xavier Institution  
*Sekolah Menengah Kebangsaan St. Xavier*
- B. Penang Free School  
*Sekolah Menengah Kebangsaan Penang Free*
- C. St. George's Girls' School  
*Sekolah Menengah Kebangsaan (P) St. George*
- D. St. Francis Institution  
*Sekolah Menengah Kebangsaan (M) St. Francis*

- The Rafflesia flower can be found in Malaysia's rainforests. Which state has the highest concentration of Rafflesias?

*Bunga Rafflesia boleh ditemui di hutan hujan di Malaysia. Negeri manakah mempunyai taburan tumbuhan Rafflesia yang terbanyak?*

- A. Sarawak  
*Sarawak*
- B. Pahang  
*Pahang*
- C. Sabah  
*Sabah*
- D. Johore  
*Johor*

4. What does the symbol of a crescent moon represent in the flag of Malaysia?

*Apakah maksud lambang anak bulan pada Bendera Malaysia?*

- A. Malay rulers  
*Raja-raja Melayu*
- B. Lunar calendar  
*Calendar Lunar*
- C. The country's official religion  
*Agama rasmi negara*
- D. Fasting in the month of Ramadhan  
*Berpuasa di Bulan Ramadhan*

5. The Orang Utan population has declined 80% in the last 75 years. Where was their original habitat in Malaysia?

*Bilangan orang utan telah menurun sebanyak 80% dalam 75 tahun yang kebelakangan ini. Di manakah habitat asal Orang Utan di Malaysia?*

- A. Kelantan and Sabah  
*Kelantan dan Sabah*
- B. Sabah and Sarawak  
*Sabah dan Sarawak*
- C. Pahang and Sarawak  
*Pahang dan Sarawak*
- D. Kelantan and Terengganu  
*Kelantan dan Terengganu*

6. Which is the highest mountain in Malaysia?

*Gunung manakah merupakan gunung yang tertinggi di Malaysia?*

- A. Mount Mulu  
*Gunung Mulu*
- B. Mount Jerai  
*Gunung Jerai*
- C. Mount Tahan  
*Gunung Tahan*
- D. Mount Kinabalu  
*Gunung Kinabalu*

7. The following are the components of the Parliament of Malaysia **except** the \_\_\_\_\_.

*Berikut merupakan komponen Parlimen Malaysia **kecuali** \_\_\_\_\_.*

- A. Senate  
*Dewan Negara*
- B. Judiciary  
*Badan Kehakiman*
- C. Royal Majesty  
*Yang di-Pertuan Agong*
- D. House of Representatives  
*Dewan Rakyat*

8. Which country withdrew from the Federation of Malaysia in 1965?

*Negara manakah yang telah menarik diri dari Persekutuan Malaysia pada tahun 1965?*

- A. Brunei  
*Brunei*
- B. Thailand  
*Thailand*
- C. Indonesia  
*Indonesia*
- D. Singapore  
*Singapura*

9. Which of the four animals below is very different from the other three?

*Manakah antara empat haiwan di bawah berbeza dari tiga haiwan yang lain?*

- A. Tapir  
*Tapir*
- B. Koala Bear  
*Beruang Koala*
- C. Orang Utan  
*Orang Utan*
- D. Pangolin  
*Tenggiling*

10. Which of the following is an **incorrect** match?

*Antara berikut padanan manakah yang tidak benar?*

A	B	C	D
Europe <i>Eropah</i>	Southeast Asia <i>Asia Tenggara</i>	Middle East <i>Asia Barat</i>	Central Asia <i>Asia Tengah</i>
Spain <i>Sepanyol</i> Austria <i>Austria</i> France <i>Perancis</i> Netherland <i>Belanda</i> United Kingdom <i>United Kingdom</i>	Brunei <i>Brunei</i> Malaysia <i>Malaysia</i> Myanmar <i>Myanmar</i> Cambodia <i>Kemboja</i> Timor Leste <i>Timor Leste</i>	Egypt <i>Mesir</i> Libya <i>Libya</i> Sudan <i>Sudan</i> Algeria <i>Algeria</i> Morocco <i>Maghribi</i>	Tajikistan <i>Tajikistan</i> Kyrgyzstan <i>Kyrgyzstan</i> Uzbekistan <i>Uzbekistan</i> Kazakhstan <i>Kazakhstan</i> Turkmenistan <i>Turkmenistan</i>

**End of question paper**  
**Tamat**